



PERNYATAAN POLISI ANTIRASUAH

AADK beriltizam untuk mentransformasikan sistem pengurusan agensi yang berkualiti dan kondusif dengan menerapkan amalan tadbir urus efektif, berintegriti tinggi dan bebas rasuah melalui pengaplikasian secara berterusan bagi memenuhi aspirasi negara selaras dengan pelaksanaan MS ISO 37001:2016 *Anti-Bribery Management Systems (ABMS)*:

- (a) Melarang warga AADK daripada meminta, menerima dan menawarkan sebarang bentuk rasuah;
- (b) Mematuhi peruntukan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan segala undang-undang serta peraturan berkaitan yang berkuat kuasa;
- (c) Memastikan usaha pencegahan rasuah dilaksanakan berdasarkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) melalui Jawatankuasa Anti-Rasuah (JAR) serta disampaikan kepada semua warga AADK bersesuaian dengan visi dan misi AADK;
- (d) Melaksanakan enam (6) fungsi teras iaitu tadbir urus, pengukuhan integriti, pengesanan dan pengesahan, pengurusan aduan, pematuhan dan tatatertib di bawah Unit Integriti AADK sebagai usaha kawalan dalaman untuk menentang, menyemak dan mencapai objektif-objektif antirasuah;
- (e) Melaksanakan semua polisi dan prosedur bagi mencegah, mengesan dan respon ke atas sebarang bentuk rasuah dengan memenuhi keperluan-keperluan di dalam MS ISO 37001:2016 ABMS;
- (f) Memastikan warga AADK mematuhi Polisi Antirasuah AADK dan segala prosedur yang berkaitan dengan Sistem Pengurusan Antirasuah AADK ke arah penambahbaikan berterusan;
- (g) Menyediakan ruang, saluran aduan dan perlindungan pemberi maklumat untuk melaporkan sebarang kesalahan rasuah atau kelakuan tidak wajar melalui peruntukan di bawah Akta Perlindungan pemberi Maklumat 2010;
- (h) Mewujudkan Fungsi Pematuhan iaitu Unit Integriti AADK yang mempunyai kuasa dan bebas untuk memantau pematuhan kepada Sistem Pengurusan Antirasuah dan melaporkan kepada Badan Tadbir Urus dan Pihak Pengurusan Atasan; dan
- (i) Mengambil tindakan punitif dan tatatertib yang sewajarnya ke atas warga AADK dan pihak-pihak yang berkepentingan yang gagal mematuhi Polisi Antirasuah ini.


SUTEKNO AHMAD BELON
Ketua Pengarah
Agensi Antidadah Kebangsaan

Tarikh : 3 Mac 2023